

1,000 bangkai ayam dalam sungai

Tanjung Karang: Penduduk di sekitar Bagan Pasir di sini gempar dengan penemuan lebih 1,000 bangkai ayam yang dibuang ke dalam sungai dan dikhuatiri mati akibat wabak penyakit.

Penduduk di Bagan Pasir mendakwa bangkai ayam berkenaan dicampakkan ke sungai di kawasan yang sering menjadi lokasi kaki pancing sehingga menyebabkan bau busuk teruk di kawasan berkenaan.

Pertikai tindakan

Meskipun kerja pembersihan dilaksanakan pihak berkuasa tempatan (PBT), penduduk mempertikai tindakan individu yang membuang bangkai ayam tanpa memikirkan kesannya kepada komuniti setempat.

Tinjauan di lokasi aduan mendapati, kerja pembersihan yang bermula lewat kelmarin giat dilaksanakan pekerja Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan Persekitaran Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).

Setiausaha MDKS, Azahari Sairin, berkata pihaknya menerima aduan pembuangan bangkai ayam secara besar-besaran di kawasan sungai se-



Bangkai ayam yang dibuang ke dalam sungai di Bagan Pasir:

hingga menimbulkan gangguan bau busuk kepada penduduk.

“Siasatan masih dijalankan dan bagi mengelakkan bau busuk berlarutan, kerja pembersihan dilaksanakan dengan kerjasama penduduk yang membantu menyediakan sampan.”

“Kita bimbang pembuangan ayam yang melebihi 1,000 ekor itu berpunca daripada wabak

penyakit yang boleh mengundang bahaya kepada pendu-

duk berhampiran dan laporan sudah dikemukakan kepada jabatan berkaitan untuk tindakan lanjut,” katanya.

Tampil buat laporan

Azahari meminta kerjasama orang ramai yang melihat individu yang membuang bang-

Kerja pembersihan dilaksanakan dengan kerjasama penduduk”

Azahari Sairin,
Setiausaha MDKS

kai ayam itu tampil membuat laporan bagi membantu

siasatan.

“Saya tidak mahu hanya kerana mahu mengambil jalan singkat, segelintir pihak membuang haiwan ternakan mereka di merata-rata. Sepatutnya haiwan yang mati ini ditanam dan bukan mencampaknya ke sungai,” katanya.